

17 OCT 2003

OIC-Saudi/I

MALAYSIA PEROLEH PELABURAN RM648 JUTA DARI ARAB SAUDI

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Malaysia telah menarik pelaburan US\$170.52 juta (RM647.98 juta) dari Arab Saudi bagi projek berkaitan teknologi pengurusan sisa haiwan, pembangunan belia dan pembinaan.

Pelaburan itu, diperoleh Persatuan Muhibah Arab Saudi-Malaysia/Majlis Perniagaan Malaysia-Saudi, dimeterai hari ini menerusi memorandum perjanjian yang disaksikan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kewangan Arab Saudi Ibrahim Abdel Aziz al-Assaf.

Majlis menandatangani perjanjian itu diadakan pada acara sampingan di luar Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Dalam bidang pengurusan sisa haiwan, sebuah kilang akan dibina di negara yang kaya dengan minyak itu dan apabila beroperasi sepenuhnya, Arab Saudi akan menjadi pengeluar gelatin halal terbesar dunia.

Kilang itu akan memproses sisa haiwan menjadi gelatin, sosej, makanan haiwan dan baja organik.

Presiden Persatuan Muhibah Arab Saudi-Malaysia Ahmad Khairuddin Ilias dalam satu kenyataan berkata inovasi teknologi pengurusan sisa haiwan itu direka bentuk di Malaysia.

Bagi pembangunan belia, beliau berkata sebuah konsortium yang dianggotai para perunding dan institusi akademik khusus dari Malaysia akan membangunkan sistem latihan dan program komprehensif bagi belia Arab Saudi.

Sejak 1991, persatuan itu aktif menggalakkan kerjasama erat dengan kerajaan Arab Saudi melalui Kedutaan Diraja Arab Saudi di Kuala Lumpur.

Majlis Perniagaan Malaysia-Saudi, cabang pelaburan dan perdagangan persatuan itu, secara rasminya ditubuhkan selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Arab Saudi pada Oktober tahun lepas.

Objektif utama majlis itu ialah menyediakan hubungan dan cadangan praktikal bagi membantu menggalakkan perdagangan, pelaburan, pembangunan sumber manusia dan pembangunan teknologi antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

MAD MKO RHM